

TARIKH	11 / 4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	N12	RUANGAN	SENTRAL



Tabung Haji dahului anjur program peperiksaan 2012

LEMBAGA Tabung Haji (Tabung Haji) muncul sebagai agensi pertama tahun ini, menganjurkan program bimbingan peperiksaan kepada calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), iaitu Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR yang berlangsung di Perlis, baru-baru ini.

Program sehari diadakan di Hotel Putra Palace, disertai 260 ahli Kelab TaHa dijayakan dengan kerjasama Unit Pendidikan Berita Harian, membatik 25 sekolah sekitar kawasan.

Majlis dirasmikan Timbalan Pengarah Tabung Haji Negeri Perlis, Ahmad Hapizudin Abas.

Kakitangan pemasaran Tabung Haji Kangar, Nor Azam Abdullah, berkata program mendapat sambutan menggalakkan dan semua peserta memberikan kerjasama sepenuhnya.

Sokongan daripada ibu bapa, katanya begitu dihargai dengan membenarkan anak mereka ikut serta. Peserta didedahkan dengan teknik menjawab soalan secara berkesan mengikut aras peperiksaan sebenar.

Ahli kelab berpeluang mendapat maklumat lebih lanjut mengenai program dan perkembangan semasa aktiviti dengan melayari laman sesawang www.taha.my



AHLI Kelab TaHa yang mengikuti Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR di Perlis, baru-baru ini.